



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2022 ADALAH TERTAKLUK
KEPADA PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN**

19 Januari 2022, Putrajaya – Bersempena dengan Perayaan Tahun Baru Cina yang akan disambut oleh masyarakat Cina di negara ini pada 1hb dan 2hb Februari 2022, YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique telah membentangkan cadangan SOP Sambutan Tahun Baru Cina 2022 dalam Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 Bilangan 1 Tahun 2022 dan telah diluluskan.

2. Aktiviti-aktiviti sempena sambutan Tahun Baru Cina 2022 adalah tertakluk kepada syarat-syarat nyata berikut:

- a. **Pada 31 Januari 2022** dibenarkan **Makan Keluarga** (*Family Reunion Dinner*).
- b. **Pada 1hb dan 2hb Februari 2022** dibenarkan upacara **sembahyang** di Rumah Ibadat Selain Islam mengikut **SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam** Dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4.
- c. **Pada 8hb dan 9hb Februari 2022** dibenarkan **Sembahyang Khas Hokkien Clan** seperti berikut:
 - i. **Dibenarkan aktiviti sembahyang khas Hokkien Clan** di Rumah Ibadat Selain Islam mengikut **SOP Pembukaan**

Rumah Ibadat Selain Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4; dan

- ii. **Dibenarkan aktiviti keagamaan di halaman rumah** masing-masing pada waktu malam mengikut tradisi perayaan Tahun Baru Cina bagi '*Hokkien Clan*'.

- d. **Pada 15 Februari 2022 dibenarkan Sembahyang Chap Goh Mei** di Rumah Ibadat Selain Islam mengikut **SOP Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam** Dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4.

- e. **Aktiviti ziarah adalah dibenarkan.**

- f. **Resepsi Tahun Baru Cina (*Chinese New Year Reception*)**
 - i. **Hanya dibenarkan** kepada yang **mendapat jemputan sahaja.**

 - ii. **Tidak dibenarkan** kepada **orang awam yang tidak mendapat jemputan.**

 - iii. **Tiada sesi majlis berterusan seperti rumah terbuka.**

 - iv. **Dibenarkan dengan 50% kapasiti ruang dan penjarakan fizikal.**

- g. **Persembahan Tarian Singa / Tarian Naga / Tarian Harimau** adalah **dibenarkan** tertakluk kepada **SOP Industri Kreatif; (Persembahan Langsung) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).**

3. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique juga menyeru masyarakat Cina di Malaysia untuk menyambut Tahun Baru Cina ini dalam norma baharu, sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, memakai pelitup muka, menjaga kebersihan diri, dan memastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Januari 2022

-TAMAT-

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (57)